

Prihatin

Berita SPANCO Jilid 2 2008



- Pelajar Institut Jalani Praktikal Di Pusat Servis
- Awas Terhadap Enjin Terlalu Panas
- 7 Kemahiran Melihat Bagi Pemandu

Liputan Bergambar
PDRM Terima
2,000 Unit Kereta
Untuk Pegawai Penyiasat

NOTIS

Kami telah mengambil maklum bahawa pemberitahuan-pemberitahuan telah disiarkan di laman web http://susuiibu.com/modules/newbb/viewtopic.php?topic_id=699&forum=7&start=410 mempelawa orang awam untuk menyertai satu skim pelaburan perkongsian perniagaan untuk penyewaan kenderaan yang merujuk kepada **SPANCO SDN BHD** sebagai agen syarikat tertentu di bawah skim tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa **SPANCO SDN BHD** menafikan mempunyai sebarang hubungan atau kaitan dengan syarikat tersebut dan menafikan sebarang penglibatan di dalam skim tersebut dan tidak akan bertanggungjawab di atas segala tuntutan, gantirugi, langsung atau tidak langsung, gantirugi khas dan/atau berbangkit, gantirugi punitif, kerugian atau lain-lain gantirugi yang berbangkit daripada sebarang urusniaga di antara mana-mana orang awam dengan syarikat tersebut di bawah skim yang dinyatakan.

NOTICE

It has come to our knowledge that advertisements have been posted at http://susuiibu.com/modules/newbb/viewtopic.php?topic_id=699&forum=7&start=410 inviting the public to invest in a business partnership investment scheme for leasing of vehicles specifically referring to **SPANCO SDN BHD** as an agent of a certain company in such a scheme.

The public are hereby advised and put on notice that **SPANCO SDN BHD** is not in any way related to that company and categorically deny any involvement in such a scheme and under no circumstances will SPANCO SDN BHD be liable for any indirect, incidental, special and/or consequential damages, punitive damages or loss of profits or other damages of any kind whatsoever which may result from any dealings between any members of the public and that company in respect of such a scheme.



Prihatin

BERITA SPANCO



PENAUNG

Dato' Hamzah Mohd Salleh

SIDANG PENGARANG

Mubarak Ali Gulam Rasul

Peter Lim

Zulkifli Abd. Aziz

Rusman Bassri

PENERBIT

SPANCO Sdn Bhd (172957-U)

2, Jalan Murai Dua

Batu Complex

51100 Kuala Lumpur.

Tel : 03-6253 2888

Faks : 03-6253 0623

emel : prihatin@spanco.com.my

Laman web : www.spanco.com.my

PENCETAK

Percetakan Lai Sdn Bhd

No. 1, Persiaran 2/118C

Kawasan Perindustrian Desa Tun Razak

Cheras, 56000 Kuala Lumpur.

Tel : 03-9173 1111

Faks : 03-9173 1969

PERUNDING PENERBITAN

Executive Mode Sdn Bhd (317453-P)

Sila hantar komen, pandangan atau sumbangan karya anda kepada Sidang Pengarang seperti di alamat penerbit yang tertera di atas.

Bahan penulisan hendaklah disertakan sekali dengan nama, alamat dan nombor telefon anda. Sidang Pengarang berhak melakukan penyuntingan sebelum karya diterbitkan.

Jilid 2, 2008 April – Jun

kandungan



PERUTUSAN

- 4 Memenuhi Harapan Pucuk Pimpinan PDRM

KORPORAT

- 6 Fleet Kekalkan Tahap Sedia Melebihi 97%
- 7 Piawaian Perkhidmatan SPANCO
- 8 Perangkaan Lima Bulan Pertama 2008 - RM2.5 Juta Baiki Kerosakan
- 9 Pelajar Institut Jalani Praktikal Di Pusat Servis



PENJAGAAN KERETA

- 10 Pusat Servis Diiktiraf - Pemilihan Ketat Jamin Servis Bermutu
- 11 Pelantikan Baru

KHABAR PRIHATIN

- 12 Liputan bergambar - PDRM Terima 2,000 Unit Kereta Untuk Pegawai Penyiasat



PENJAGAAN KERETA

- 14 Awas Terhadap Enjin Terlalu Panas
- 15 Lebih Banyak Kereta Dilupakan Selepas Kemalangan
- 16 Cara Mudah Memperbaharui Cukai Jalan



KESELAMATAN

- 17 Warna Kereta Pengaruhi Tahap Boleh Dilihat
- 18 7 Kemahiran Melihat Bagi Pemandu
- 20 Sindiket Curi Kereta Mewah Tumpas
- 21 Tip Mudah Memandu Selamat

KESIHATAN

- 22 Obesiti Menjejaskan Keselamatan Pemandu & Penggunaan Bahan Api

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

Memenuhi Harapan Pucuk Pimpinan PDRM



GEMBIRA... Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah PDRM, DCP Dato' Mortadza Nazarene bersama-sama Pengerusi (kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif SPANCO semasa majlis pada 19 Jun.

PADA 19 Jun 2008, berlangsunglah satu majlis yang sangat penting buat kami di perkarangan Pusat Servis Wilayah SPANCO di Batu Caves dengan dihadiri lebih 150 anggota Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dari pelbagai peringkat, daerah dan negeri.

Majlis anjuran bersama PDRM dan SPANCO itu ialah untuk menyempurnakan penyerahan dan pelancaran 2,000 unit kereta pegawai penyiasat PDRM seperti yang diperuntukkan di dalam Bajet 2008 yang diumumkan Perdana Menteri.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Yang Dihormati CP Datuk Mohd Bakri Mohd Zinin yang mewakili Ketua Polis Nega-

ra, telah hadir untuk menyempurnakannya.

Turut hadir ialah Pengerusi SPANCO, Yang Berbahagia Mejar Jeneral Dato' Osman Mohd Zain (Bersara), pegawai-pegawai Kerajaan serta wakil-wakil media televisyen dan media cetak.

Pada majlis itu, Pengerusi SPANCO secara simbolik menyerahkan replika kunci kereta kepada CP Datuk Mohd Bakri, bagi menandakan penyerahan kereta-kereta itu.

CP Datuk Mohd Bakri kemudian memberikan replika kunci kepada keempat-empat jabatan yang terbabit iaitu Jabatan Siasatan Jenayah, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil dan Cawan-

gan Trafik.

Beliau selepas itu buat pertama kalinya mempertontonkan Waja Campro CPS 1.6 AT yang akan digunakan oleh pegawai penyiasat kepada para wartawan yang membuat liputan.

Seterusnya, CP Datuk Mohd Bakri turut menyempurnakan upacara merenjis bunga mawar ke atas kereta tersebut dan melepaskan 12 unit model yang sama di dalam upacara *'flagging-off'*.

Majlis yang bermula 9.30 pagi itu mendapat sambutan yang baik dari semua pihak. Ia berjalan dengan lancar lagi sempurna dan bersurai pada 12 tengah hari sejeurus selepas sidang media selesai.

(Sila ke paparan tengah di muka surat 12 dan 13 untuk melihat liputan bergambar majlis itu).

Kelulusan 2,000 unit

Kelulusan untuk membekalkan 2,000 kereta seperti yang diperuntukkan di dalam Bajet 2008 telah diberikan kepada kami pada April tahun ini, susulan beberapa mesyuarat bersama antara Kementerian Kewangan, Kementerian Dalam Negeri, PDRM dan SPANCO.

Susulan itu juga, pengurusan SPANCO sebulat suara bersetuju untuk meraikan peristiwa yang bersejarah itu melalui penganjuran sebuah majlis yang sederhana di pusat servis utama kami di Batu Caves.

Walaupun majlis dilaksanakan

secara serba sederhana, namun ia sebenarnya sungguh bermakna sekali buat Pengurusan Fleet Profesional.

Ini membuktikan bahawa segala usaha gigih, penat lelah dan perancangan rapi yang dilakukan oleh SPANCO selama ini mendapat kepercayaan dan keyakinan pelanggan.

Dengan penyerahan kereta pegawai penyiasat PDRM itu, maka jumlah fleet yang diselia oleh SPANCO bertambah daripada 2,200 unit, iaitu semasa mula-mula mengambil alih tugas pengurusan fleet 14 tahun lalu, kepada lebih 8,000 unit pada hari ini.

Sejajar komitmen kami untuk menyediakan khidmat terbaik kepada Kerajaan, SPANCO akan meneruskan usaha, perancangan dan pelaburan bagi mempertingkatkan lagi keberkesanan servis.

Memetik ucapan CP Datuk Mohd Bakri, penyediaan 2,000 unit kereta ini sedikit sebanyak melengkap dan membantu PDRM khususnya pegawai penyiasat untuk terus berkhidmat dengan lebih cepat, cekap dan berkesan kepada masyarakat negara ini.

Harapan pucuk pimpinan PDRM ialah supaya ia dapat mempertingkatkan komitmen dan semangat untuk bekerja dengan



TETAMU KEHORMAT... Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, CP Datuk Mohd Bakri Mohd Zinin, hadir untuk menyempurnakan penyerahan dan pelancaran kereta pegawai penyiasat PDRM.

Ini membuktikan bahawa segala usaha gigih, penat lelah dan perancangan yang dilakukan oleh SPANCO selama ini mendapat kepercayaan dan keyakinan pelanggan.

sebaik mungkin serta tidak timbul lagi masalah kelewatan atau ketiadaan pengangkutan.

Untuk tidak menghampakan harapan itu, kami akan memikul amanah ini dengan penuh rasa tanggungjawab demi memastikan servis yang lancar lagi bermutu tinggi.

Rakan sekerja kami akan melakukan yang terbaik dan berusaha dengan lebih tekun bagi memenuhi segala keperluan PDRM dalam melaksanakan tugas-tugas kepolisan mereka.

Akhir kata, setinggi penghargaan buat PDRM, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Kewangan khususnya Perbendaharaan Malaysia di atas sokongan dan kepercayaan yang diberikan kepada SPANCO.

Sekian.

Dato' Hamzah Mohd Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif

DETIK BERSEJARAH...
Mej. Jen. Dato' Osman Mohd Zain (Bersara) menyerahkan replika kunci kepada CP Datuk Mohd Bakri.



Servis dan Senggaraan

Fleet Kekalkan Tahap Sedia Melebihi 97%

PENYENGGAHAN cegah-an yang diamalkan oleh Pengurusan Fleet Profesional didapati sangat berkesan dalam mengurangkan jumlah kerosakan. Ini terbukti apabila tahap boleh bergerak fleet bagi keseluruhan 2007 berjaya menjangkau sasaran 97% yang ditetapkan di dalam piawaian perkhidmatan SPANCO.

Berikut adalah petikan dari Laporan Prestasi Tahunan 2007 yang diedarkan kepada Ketua-Ketua Setiausaha.



SEDIA BERKHIDMAT... Pasukan bantuan servis kerosakan memberi pertolongan dalam saat-saat kecemasan. Sila hubungi 1-800-88-6999 untuk mendapatkan bantuan.

- Kadar purata keupayaan fleet bergerak *on-road* untuk keseluruhan fleet kenderaan Kerajaan Persekutuan pada sesuatu masa dalam tahun 2007 adalah 97.1%. Baki keupayaan fleet tidak boleh digerakkan sebanyak 2.9% meliputi perkara berikut:

- Servis berjadual
- Pembaikan mekanikal
- Servis rombak rawat Kerosakan transmisi automatik
- Pembaikan kemalangan

- Pusat Servis Wilayah di Bangi (PSW Bangi) kini lebih bersedia untuk menampung peningkatan jumlah fleet di sekitar kawasan berdekatan. Pusat Servis yang telah dinaiktarafkan ini akan memberi keselesaan kepada pelanggan dari segi tempat menunggu dan masa pembaikan yang lebih singkat.

- Kenaikan harga bateri adalah antara cabaran yang dihadapi dalam menyenggara kereta konsesi. Harga bateri meningkat 2 kali iaitu sebanyak 15% pada Julai 2007 dan 16% pada September 2007. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan akan terus menikmati perkhidmatan terbaik tanpa mengalami kenaikan harga kos pajakan sepanjang tempoh pajakan.

Kerosakan Transmisi


- Sejak semua kereta konsesi SPANCO model Proton Per-

dana dipasang dengan alat *Automatic Transmission Oil Cooler*, masalah kes kerosakan transmisi automatik mula menunjukkan penurunan. Sebanyak 255 kes kerosakan dilaporkan sepanjang 2007 dengan kos pembaikan berjumlah RM482.0 ribu berbanding 299 kes dalam 2006 berjumlah RM514.7 ribu. SPANCO akan terus memantau keberkesanan penggunaan alat tersebut.

- Kegagalan transmisi automatik berpunca daripada suhu bendalir yang terlalu panas sehingga merosakkan transmisi. Alat ini berfungsi seba-

Kerajaan akan terus menikmati perkhidmatan terbaik tanpa mengalami kenaikan harga kos pajakan sepanjang tempoh pajakan.

Analisis Kos Pembaikan Transmisi Mengikut Tahun




gai radiator tambahan yang membantu menyejukkan bendalir transmisi semasa:

- Memandu dalam lalu lintas yang sesak
- Memandu dalam cuaca sangat panas dan sejuk
- Mendaki bukit yang curam

- Apabila suhu bendalir meningkat melebihi tahap operasi optimum, ia mula membakar dan mengurangkan hayat bendalir, sendal, bearing dan semua bahagian yang bergerak. Bendalir transmisi automatik disejukkan melalui pemindahan haba ke tiub dan seterusnya ke udara. Proses kitaran

Jumlah Kerosakan Transmisi Mengikut Perkilometeran



itu akan diulangi apabila bendalir yang telah disejukkan mengalir semula ke transmisi automatik.

Kereta Tunggusedia - SPANCO Pool Car (SPC)

- SPANCO menyediakan 50 unit kereta ganti jenis Proton Perdana Standard dan Perdana Executive. Kereta ini akan diserahkan kepada yang menghantar kereta rasmi untuk kerja pembaikan yang melebihi 24 jam.
- Namun terdapat beberapa masalah dalam penyediaan kereta tunggusedia.

- Kelewatan memulangkan kereta tunggusedia (dalam tempoh 8 jam) setelah kereta rasmi siap dibaik pulih.
- Kereta tunggusedia dipulangkan dalam keadaan tidak memuaskan, seperti aksesori tidak lengkap dan calar atau kemek.
- Kerja baik pulih perlu dibuat terhadap kereta tunggusedia sebelum dapat diagihkan kepada pelanggan lain.
- Kes kemalangan yang semakin tinggi menyebabkan penggunaan kereta tunggusedia untuk tempoh yang agak panjang.

PIAWAIAN PERKHIDMATAN SPANCO

Perkhidmatan

- Tahap keupayaan kenderaan boleh gerak – 97%
- Servis berjadual – dalam tempoh 2 hari
- Masa tindak balas – dalam tempoh 2 jam
- Jadual penyenggaraan cegahan



- Ulasan Prestasi secara proaktif
 - cadangan penggantian awal sekiranya kereta bermasalah atau atas sebab teknikal
 - terhadap Pusat Servis Diiktiraf
- Khidmat Bantuan 24 jam
- Kereta ihsan/gantian
 - untuk digunakan semasa kenderaan rasmi diservis / dibaiki

Perolehan

- Mutu – Pemeriksaan Pra-Penghantaran (100%)
- Penghantaran cepat – dalam tempoh 60 hari

Perangkaan lima bulan pertama 2008

RM2.5 Juta Baiki Kerosakan

KOS pembaikan menu-run berbanding 2007 tetapi lebih tinggi dari dua tahun sebelumnya, demikian yang dapat dirumuskan dari perangkaan yang diterima setakat Mei 2008.

Perangkaan dari Sistem Maklumat Pengurusan Fleet Bersepadu menunjukkan jumlah kos pembaikan kemalangan menurun sedikit kepada RM2.531 juta untuk lima bulan pertama 2008 berbanding RM2.618 juta untuk 2007.


Bagaimanapun jumlah kos pembaikan itu masih tinggi berbanding RM2.219 juta bagi lima bulan pertama 2006, RM2.449 juta (2005) dan RM2.204 juta (2004).

Kos itu merangkumi kos membaiki kerosakan kemalangan yang menimpa fleet Kerajaan Persekutuan seliaan SPANCO Sdn Bhd, sama ada yang dituntut atau tidak dituntut melalui insurans.

**10 Jenis Kemalangan Dengan Kos Terbesar
(Januari – Mei 2008)**

Bil.	Jenis	Jumlah Kes	Jumlah Kos
1	Kerosakan Harta Pihak Ketiga	190	RM938.3 ribu
2	Kemalangan Sendiri	483	RM607.8 ribu
3	Lupus	16	RM453.7 ribu
4	Kemalangan di tempat Memakir	48	RM174.0 ribu
5	Kecurian	3	RM122.6 ribu
6	'Knock for knock'	25	RM111.4 ribu
7	Kena Langgar	17	RM67.7 ribu
8	Langgar Binatang	11	RM44.8 ribu
9	Kematian melibatkan Pihak Ketiga	1	RM7.1 ribu
10	Kecurian (Aksesori)	1	RM3.7 ribu

Perangkaan Bagi Januari - Jun 2008



Selain itu, perangkaan bagi lima bulan pertama 2008 turut memaklumkan:

- Kos pembaikan untuk 'Kerosakan Harta Pihak Ketiga' adalah RM938.3 ribu, merangkumi 37.1% dari keseluruhan kos pembaikan kemalangan berjumlah RM2.531 juta.
- Jumlah kes 'Kemalangan Sendiri' adalah sebanyak 483, merangkumi 60.8% dari keseluruhan kes kemalangan berjumlah 795.
- Sebanyak 16 kes dilupuskan membabitkan kos berjumlah RM453.7 ribu.
- Sebanyak 3 kes kecurian berlaku dengan jumlah tuntutan sebanyak RM122.6 ribu.
- Terdapat satu kes kematian melibatkan pihak ketiga.
- Kadar kemalangan (peratus jumlah kes/fleet) menurun kepada 12.9% bagi lima bulan pertama 2008 berbanding 14.4% bagi lima bulan pertama 2007, 13.5% (2006), 13.0% (2005) dan 14.7% (2004).
- Saiz fleet bertambah kepada 6,144 di mana 386 adalah model Perdana Executive, 1,409 model Perdana Standard, 5 Chancellor, 74 Waja CPS, 432 Waja, 2,807 Wira dan 1,031 Iswara.
- Dari segi usia kenderaan pula, 1,072 berusia setahun, 1,155 berusia 2 tahun, 2,707 (3 tahun), 905 (4 tahun), 213 (5 tahun) dan 92 melebihi 5 tahun.
- Status saman fleet Kerajaan Persekutuan pada Mei 2008 adalah 56,273 saman di mana 56,323 adalah saman tertunggak, 44 saman baru dan 94 diselesaikan.



GEMBIRA... Muhammad Zia dari Politeknik Port Dickson merasa bertuah dapat menjalani latihan praktikal di SPANCO.

SEBAGAI sebuah syarikat yang berurusan dengan Kerajaan dan yang sentiasa peka terhadap isu-isu kemasyarakatan, SPANCO juga tidak lupa memainkan peranannya.

Salah satu tanggungjawab so-

...tenaga pengajar dan kakitangan di SPANCO tidak lokek untuk berkongsi pengalaman luas mereka.

sial yang dimaksudkan adalah dengan mengambil para pelajar dari institusi pengajian untuk melakukan latihan praktikal mereka di pusat servisnya.

Pengurus Woksyop, Batu Caves, Md Latif Ismail, menerangkan, latihan itu menyediakan peluang kepada pelajar-pelajar yang menceburi bidang automotif untuk mempraktikkan apa yang dipelajari dalam keadaan sebenar.

“Kita percaya dengan perkembangan ilmu pengetahuan, kita

dapat mempertingkatkan kebolehan kerja,” kata Latif.

“Walaupun pelajar yang menjalani latihan mungkin tidak akan bekerja dengan kami, namun kami berpuas hati kerana telah memberi peluang kepada mereka untuk mengalami sendiri keadaan sebenar industri.”

Institut Kemahiran Mara, Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan, kolej komuniti, politeknik seperti Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang dan Politeknik Ungku Omar, Ipoh selain Universiti Teknologi Malaysia adalah antara institusi pengajian yang meng-

kuti Kursus Sijil *Automotive Diesel* itu menjalankan latihan dari 14 Januari hingga 13 Jun 2008 dan diletakkan di bawah bimbingan mekanik gred I, Hashim Aziz, 38 tahun.

Zia, yang berasal dari Selangor Baru berasa sangat bertuah dan gembira dengan latihan yang diterimanya. Beliau berpendapat tenaga pengajar dan kakitangan di SPANCO tidak lokek untuk berkongsi pengalaman luas mereka.

Sepanjang 6 bulan di sini, beliau tidak sahaja didedahkan kepada aspek pembaikan kereta tetapi



BIMBINGAN... Zia sedang menerima tunjuk ajar tentang pembaikan automotif daripada mentor, Hashim Aziz.

hantar pelajar mereka ke sini.

Pelbagai cabang ilmu pengetahuan bidang automotif yang boleh dipelajari di pusat servis. Ia termasuk pengurusan pelanggan, pengurusan alat ganti, tatacara bekerja selain pengurusan pusat servis seperti sistem bekerja dan pembahagian tugas yang betul.

Pelajar Politeknik Port Dickson, Muhammad Zia Hul Haq Erlen Joni, 20 tahun adalah salah seorang pelatih yang menjalani latihan praktikal bersama SPANCO.

Pelajar semester 3 yang mengi-

juga kepada servis kenderaan secara menyeluruh.

Beliau berterima kasih kepada SPANCO dan mentor, Hashim kerana telah memberikan tunjuk ajar sepanjang menjalani latihan.

Zia yang akan menyambungkan pelajaran ke peringkat diploma di Politeknik Dungun bercita-cita untuk menjadi jurutera yang berjaya satu hari nanti. Sudah pastinya latihan praktikal di SPANCO akan menjadi salah satu pengalaman yang berguna buat beliau.

Pusat Servis Diiktiraf Pemilihan Ketat Jamin Servis Bermutu

CEREWET? Mungkin itulah yang boleh dikatakan tentang proses pemilihan dan pelantikan panel pusat servis SPANCO.

Bagaimanapun kriteria ketat sebenarnya bukan untuk menyusahkan mana-mana pihak terutama pelanggan, malah sebaliknya bagi memastikan tahap perkhidmatan yang bermutu tinggi lagi memuaskan.

Pusat Servis Diiktiraf (PSD) adalah rangkaian pusat servis yang dilantik oleh Pengurusan Profesional SPANCO untuk memenuhi keperluan servis fleet Kerajaan Persekutuan di seluruh negara.

Antara kriteria pelantikan PSD ialah ia mesti mempunyai kemudahan asas yang minimum, terletak di laluan mudah, diiktiraf oleh PIAM dan menjadi wakil francais sama ada EON ataupun PROTON Edar.

Mulai keluaran kali ini, Majalah PRIHATIN akan menampilkan beberapa PSD yang terpilih di dalam setiap keluaran. Pelanggan dapat mengetahui serba sedikit tentang PSD, lokasi, perkhidmatan yang disediakan dan lain-lain maklumat untuk berurusan.

Untuk keluaran ini, tiga PSD diketengahkan iaitu masing-masing dari Ipoh, Pulau Pinang dan Kota Kinabalu.

Kriteria pemilihan PSD

Lokasi – jarak antara dua PSD yang berasingan mesti tidak kurang daripada 25km.

Kelengkapan – memiliki peralatan minimum yang ditetapkan.

Kemahiran – mempunyai pekerja teknikal berkelayakan sekurang-kurangnya sijil MLVK tahap I.

Berdaftar – pusat servis adalah berdaftar dan dalam kedudukan kewangan yang kukuh.

Jenis servis – menawarkan perkhidmatan yang berlainan bagi sesuatu lokasi.

Tulen – semua penyenggaraan dan pembaikan mesti menggunakan alat ganti tulen.

BERCHAM MOTORS SDN BHD

PUSAT servis ini dimiliki sepenuhnya oleh bumiputera dan sudah beroperasi lebih 13 tahun. Ia menyediakan perkhidmatan pembaikan kenderaan-kenderaan jabatan Kerajaan dan sektor swasta.

Juga merupakan wakil servis EON yang sah.

Alamat: 14, 15 & 16, Persiaran Bercham Selatan 20, Bercham, 31400 Ipoh
Telefon: 05-5462528 / 05-5461326
Waktu operasi: 8:30 pagi - 5:30 petang, Isnin hingga Sabtu
Jenis perkhidmatan: Membaiki kenderaan dan tayar
Sila hubungi: En. Mior Aris B. Abdullah



Kenderaan-kenderaan jabatan dari sekitar Ipoh yang menjalani penyenggaraan di Bercham Motors.

GOOD YEAR**ENG SIN 永新**
PENJAGAAN KERETA**ENG SIN AUTO CARE SDN BHD**

BEROPERASI selama lebih 30 tahun, pusat servis ini mengalu-alukan pelanggan-pelanggan dari jabatan dan kementerian Persekutuan dari seluruh Pulau Pinang.

Apabila menghantar kenderaan, PSD ini memohon kerjasama supaya pelanggan menyenaraikan masalah kenderaan dan menyerahkan senarai tersebut kepada penyelia yang bertugas.

Selain itu sebelum menghantar kenderaan masuk ke woksyp, surat jabatan dan laporan polis hendaklah disediakan terlebih dahulu.

Mereka juga meminta pelanggan-pelanggan SPANCO supaya bersabar dan memberi masa untuk pembaikan disediakan.

Alamat: 16, Jalan Perlis,
10400 Pulau Pinang
Telefon: 04-229 9858
Waktu operasi: 8 pagi –
6 petang, Isnin hingga Sabtu
Jenis perkhidmatan: Servis, tayar,
bateri, pembaikan kecil dan besar
Sila hubungi: Ms. Tan atau Ms. Goh



Ms. Goh.



Ms. Tan.

Alamat: Lot 162, Lok Kawi Industrial
Estate, Km 18, Lok Kawi, P.O. Box
11882, 88820 Kota Kinabalu, Sabah
Telefon: 088-751172
Waktu operasi: 8 pagi – 5.30 petang
setiap hari. Sabtu dan Ahad, setengah
hari
Jenis perkhidmatan: servis lazim,
tayar, bateri, pendingin hawa,
pembaikan kemalangan dan khidmat
tunda 24 jam
Sila hubungi: En. Herman Yee, Cik
Badariah Markam atau En. Zorol Inta

KOTA BUMI SDN BHD

SEBAGAI wakil pusat pembaikan kemalangan sah EON, pusat servis di Kota Kinabalu ini juga menawarkan khidmat tunda 24 jam dan pembaharuan insurans.

Mula menjalankan perniagaan 22 tahun lalu, Kota Bumi turut dilengkapi beberapa peralatan terkini seperti pengimbas PDT, Kingtech dan Mitsubishi, mesin pencurahan stereng kuasa serta radiator, alat penjajaran 3D selain

penukar tayar automatik yang mampu menukar rim sport dan tayar bersaiz sehingga 18 inci.

Pusat servis yang dibuka setiap hari ini juga mengadakan cabutan bertuah untuk para pelanggan selain menawarkan baucar tunai dan harga istimewa untuk beberapa jenis tayar.

Di samping itu, kad khidmat pelanggan melalui sistem komputer juga sedang dilaksanakan.

Kota Bumi dibuka setiap hari, menawarkan pembaikan kemalangan dan khidmat tunda.

PELANTIKAN BARU

BERIKUT adalah PSD yang baru dilantik untuk makluman pelanggan:

Empire Wheels Sdn Bhd

No 2 Jalan Sri Perkasa 2/18

Taman Tampoi Utama,

81200 Johor Bahru, Johor

Tel: 07-2414555 Faks: 07-2414555

Jenis perkhidmatan: Servis senggaraan dan pembaikan

Sila hubungi : Hj. Mohd Said bin Juni



PDRM Terima 2, Untuk Pegawai



SELAMAT DATANG

YDH. CP Datuk Mohd Bakri bin Mohd Zinin
Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah

ke
Majlis Penyerahan dan Pelancaran Kereta Pegawai Penyiasat, Polis Diraja Malaysia
19 Jun 2008



Ketibaan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, CP Datuk Mohd Bakri Mohd Zinin.



Beramah mesra sebelum majlis bermula.



Pengerusi SPANCO mengalu-alukan tetamu.



Menjawab soalan pada sidang media.



Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, SAC I Dato' Mohd Shukri Dahlan.



Wakil Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, ACP Rozaimi Mat Isa.



Ketua Trafik Kuala Lumpur, ACP A. Wahab A. Rahman mewakili Pasukan Trafik.



Memotong reben bagi mempamerkan kereta.



Upacara merenjis air mawar.



Mencuba sendiri kereta pegawai penyiasat yang baru dilancarkan.



Kereta yang akan digunakan oleh pegawai penyiasat.

Gambar 1,000 Unit Kereta Poli Penyiasat



Tetamu kehormat menyampaikan ucapan.



Pengacara majlis dari PDRM dan RTM.



Majlis disempurnakan dengan penyerahan replika kunci.



Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, DCP Dato' Mortadza Nazarene menerima kunci.



ditutup dengan kain sebelum pelancaran.



Bersiap sedia untuk upacara 'flagging-off'.



Sebahagian dari 12 kereta yang dilepaskan pada majlis itu.



CP Datuk Mohd Bakri mendengar penerangan mengenai pengurusan fleet.



Meninjau operasi di lantai pusat servis.

(Gambar-gambar adalah ihsan PDRM)

RALAT

Di dalam artikel 'Penjagaan Tayar Yang Mudah Dan Berkesan' yang disiarkan pada keluaran lalu, terdapat sedikit kesilapan mengenai tempoh tayar akan ditukar.

Sebenarnya, SPANCO hanya akan menukar sesebuah tayar apabila kedalaman bunga menjadi kurang daripada 1.6mm dan tidak seperti yang dinyatakan di dalam artikel itu iaitu berpanduan tempoh 40,000km atau 2 tahun.

Sidang pengarang memohon maaf di atas kesilapan ini.

Awas Terhadap Enjin Terlalu Panas

Enjin kereta yang terlalu panas boleh menyebabkan kerosakan teruk dan mungkin mengundang bahaya. Lazimnya, suhu enjin dipaparkan pada panel dan lampu amaran akan menyala sekiranya suhu adalah lebih panas daripada biasa.

Enjin boleh menjadi terlalu panas akibat beberapa faktor. Salah satu sebab adalah kerana kurang atau tiada air di dalam sistem penyejuk kereta.

Buka bonet kereta sekiranya anda ingin

membuat pemeriksaan. Anda mestilah berhati-hati apabila membuka tudung radiator yang panas untuk menambah air kerana anda boleh melecur akibat wap panas yang keluar dari radiator tersebut.

Tunggulah sekurang-kurangnya setengah jam sebelum menambah air ke dalam radiator. Selalulah periksa paras bahan penyejuk kereta anda. Pemeriksaan kerap terhadap kebocoran hos getah di bawah bonet juga dapat menghalang masalah enjin terlalu panas.



Lebih Banyak Kereta Dilupuskan Selepas Kemalangan

KERETA yang terlibat dalam pelanggaran, walaupun kecil, berkemungkinan akan dilupuskan, demikian menurut CAP, penyedia maklumat industri automotif UK.

Penganalisis di CAP menerangkan bahawa perkara yang menyebabkan banyak syarikat insurans sanggup melupuskan kenderaan yang rosak sedikit adalah kerana teknologi canggih kenderaan moden serta susut nilai yang lebih cepat.

Beg udara dan sistem penyaman udara merupakan ciri utama yang tidak berbaloi untuk dibaik pulih walaupun akibat pelanggaran kecil.

"Ini bermakna syarikat insurans terhimpit antara kos membaik pulih yang tinggi dan peningkatan dalam jumlah pembayaran tuntutan kerugian penuh yang meningkat," kata pengurus pembangunan operasi CAP, Mark Norman, semasa Persidangan Tahunan Kaji Selidik Industri Refinish (RISC).

Beliau berkata bahawa kos membaik pulih atau menggantikan teknologi seperti beg udara dan sistem penyaman udara menyumbang kepada kejatuhan nilai

mendadak kereta terpakai seterusnya menjadikan ia tidak berbaloi untuk dibaik bagi kebanyakan kereta moden.

"Walaupun kereta tersebut hebat dari segi kejuruteraan, prestasi dan kualiti, tetapi nilai terpakainya jauh lebih rendah dalam erti

*Syarikat insurans
terhimpit antara
kos membaik pulih
yang tinggi dan
peningkatan dalam
jumlah
pembayaran
tuntutan kerugian
penuh yang
meningkat*

kata yang sebenarnya berbanding model yang serupa sepuluh tahun dahulu," katanya lagi.

Norman memberi contoh Ford Focus 1.6LX berusia tiga tahun yang sama nilainya dari segi tu-

nai dengan 1600 LX Escort berusia tiga tahun, 12 tahun dahulu.

"Terdapat semua ciri teknologi seperti ABS, tingkap elektronik sepenuhnya, kunci kawalan jauh, sistem penyaman udara, beg udara dan kejuruteraan serta kualiti yang lebih baik, justeru menjadikannya kereta yang lebih canggih, namun pembeli kereta terpakai tersebut membayar kurang dalam pasaran hari ini berbanding model terdahulu," katanya.

Pengarah persidangan RISC, Quintin Cornforth, pula menambah bahawa kos membaik pulih pelanggaran biasa meningkat dengan ketara akibat teknologi seperti sistem pelanggaran tambahan dan komponen penyaman udara.

Bagi Ford Mondeo 1.8LX misalnya, kos membaik pulih bagi model 1996 yang tidak mempunyai beg udara dan penyaman udara adalah dalam anggaran £3,865 - atau 52% daripada nilai kereta tersebut.

Secara perbandingan, kos pembaikpulihan yang sama terhadap kereta model 2006 adalah berjumlah £5,856 - atau 88% daripada nilai kereta tersebut!

(sumber: Fleet News, UK)

LUPUS... Banyak kenderaan canggih yang rosak sedikit akibat kemalangan dilupuskan kerana terlalu mahal untuk diperbaiki.



Cara Mudah Memperbaharui Cukai Jalan

MALAS beratur untuk memperbaharui cukai jalan anda? Kini anda tidak perlu lagi berbuat demikian. Mulai pertengahan April 2008 anda boleh memperbaharui cukai jalan melalui Internet dengan pelancaran kemudahan pembaharuan cukai jalan dalam talian yang dibangunkan oleh MY E.G. Services Berhad.

Perkhidmatan baru yang dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak ini tidak memerlukan kad pendaftaran kereta. Orang ramai boleh mengakses perkhidmatan ini melalui portal interaktif di **www.myeg.com.my** dan laman web Jabatan Pengangkutan Jalan di **www.jpj.gov.my**.

Pengguna boleh memilih sama ada mahu dokumen cukai jalan mereka dihantar terus ke rumah atau ke pejabat.

Pengguna boleh memilih sama ada mahu dokumen cukai jalan mereka dihantar terus ke rumah atau ke pejabat. Selain kemudahan pembaharuan melalui Internet, orang ramai juga boleh memperbaharui cukai jalan mereka di Kios E-Service yang terdapat di 54 buah Pusat E-Service serta di cawangan bank-bank terpilih



Memudahkan... Kemudahan pembaharuan cukai jalan melalui internet yang dilancarkan April lalu tidak memerlukan kad pendaftaran kereta.

di seluruh negara. Pembayaran bagi perkhidmatan pembaharuan cukai jalan dalam talian boleh dibuat sama ada melalui kad kredit, kad debit atau pun E-cash (akaun pra-bayar).

Portal bersepadu ini juga memudahkan pembaharuan polisi insurans kereta. Antara perkhidmatan yang telah pun ditawarkan sebelum ini ialah pengeluaran dan pembaharuan lesen

memandu dan pembayaran saman trafik.

Kementerian Pengangkutan mengumumkan, sebanyak lapan juta pembaharuan cukai jalan telah direkodkan pada tahun lalu dan perkhidmatan dalam talian ini dapat membantu orang ramai dengan kemudahan yang lebih menjimatkan masa.

(sumber: **Bernama**)



Warna Kereta Pengaruh Tahap Boleh Dilihat

WARNA memainkan peranan penting dalam hidup. Warna boleh mempengaruhi perasaan dan fikiran. Tetapi, tahukah anda bahawa warna kereta juga boleh memainkan peranan penting dalam memastikan sama ada ia akan terlibat dalam kemalangan atau sebaliknya?

Kajian di Sweden menunjukkan warna hitam adalah warna yang paling berisiko. Dalam kajian tersebut, mereka mendapati bahawa 22.5% kereta yang terlibat dalam 31,000 kemalangan yang dikaji adalah berwarna hitam walaupun kereta berwarna hitam hanyalah sebanyak 4.4% daripada jumlah keseluruhan kereta.

*Tahap penonjolan
sesebuah kereta juga
bergantung kepada
cuaca, keadaan jalan
raya, landskap dan
juga waktu.*

Ini bermakna kemungkinan kereta berwarna hitam terlibat dalam kemalangan adalah 5 kali ganda berbanding warna lain. Kajian yang sama juga menunjukkan bahawa warna paling selamat adalah warna merah jambu.

Kajian di Amerika Syarikat pula menunjukkan bahawa van Perkhidmatan Pos AS yang dicat merah, putih dan biru adalah 27% kurang terlibat dalam kemalangan ber-

banding van yang dicat warna hijau zaitun. Van berwarna merah, putih dan biru terlibat dalam 622 kemalangan berbanding van berwarna hijau zaitun yang terlibat dalam 849 kemalangan.

Apakah warna yang paling selamat?

Ramai yang merasakan sesetengah warna adalah lebih selamat kerana ia lebih jelas dilihat... tetapi ia tidaklah semudah itu.

Tahap penonjolan sesebuah kereta juga bergantung kepada cuaca, keadaan jalan raya, landskap dan juga waktu.

Secara amnya, warna yang terang adalah lebih baik daripada yang gelap kerana ia membalikkan lebih banyak cahaya dan boleh dilihat dari jarak empat kali lebih jauh berbanding warna gelap.

Namun, walaupun warna putih adalah warna yang paling mudah dilihat dalam cahaya biasa tetapi tahap penonjolannya adalah rendah di jalan raya yang berwarna cerah semasa cuaca terik, bersalji dan berkabus.

Kereta Anda Jelas Dilihat ?

Pengeluar kereta *Daimler-Benz* juga telah melakukan kajian dan mendapati bahawa warna putih adalah warna yang paling mudah dilihat. Hasil kajian tersebut adalah seperti berikut:

Putih	86%
Putih Kekuningan	71%
Biru Cair	71%
Kuning	70%
Putih Pucat	67%
Putih Cerah	65%
Kuning Mapel	58%
Merah	44%
Perang Cerah	38%
Merah Carnelian	21%
Hijau Merah	21%
Kelabu Kuning Air	20%
Kelabu	17%
Biru	8%
Biru Gelap	5%
Hijau Zaitun	5%
Hitam	4%
Merah Tua	4%
Biru Tua	4%

7

KEMAHIRAN MELIHAT BAGI PEMANDU

 $\frac{20}{100}$
 $\frac{20}{70}$
 $\frac{20}{50}$
 $\frac{20}{40}$

1

2

3

4

DIANGGARKAN satu dalam setiap lima orang pemandu mempunyai masalah penglihatan yang mungkin menjejaskan prestasi memandu mereka. Bagaimanapun, melalui pemakaian cermin mata dan penjagaan optometri, kebanyakannya dapat mencapai tahap penglihatan yang diperlukan untuk pemanduan yang selamat.

Daya penglihatan yang baik adalah faktor penting dalam keselamatan – 90% keputusan kritikal yang dibuat di atas jalan raya adalah berdasarkan kepada penglihatan. Namun begitu ramai pemandu yang memandang re-meh akan pentingnya penglihatan yang baik .

Pemandu hari ini berhadapan dengan banyak cabaran di jalan raya yang semakin sibuk maka kemahiran untuk melihat dengan baik menjadi bertambah penting. Ia adalah:

1. Penglihatan Jarak Jauh

Kemampuan untuk menumpu dan melihat dengan jelas pada jarak jauh mungkin merupakan kemahiran terpenting untuk memandu.

Sekiranya anda rabun jauh atau jarak penglihatan anda kurang baik, anda mungkin tidak nampak tanda berhenti atau amaran sehingga anda sudah hampir dengannya. Mungkin pada ketika itu ia sudah terlambat.

Selain itu, jarak penglihatan yang lemah menjadi semakin berbahaya apabila kelajuan meningkat. Iaitu semakin laju anda memandu, semakin kurang juga masa untuk bertindak balas ter-

hadap apa yang dilihat.

2. Persepsi kedalaman

Memotong dan menukar lorong semasa trafik sibuk memerlukan anggaran jarak yang tepat antara objek yang bergerak. Kedua-dua mata perlu berfungsi dengan baik bagi mengganggu persepsi kedalaman.

Ramai pemandu tidak dapat mengamati kedalaman dan masalah ini akan menjadi bertambah serius pada kelajuan tinggi.

3. Medan penglihatan

Kemampuan untuk melihat di penjuru mata atau melihat kawasan yang luas tanpa mengger-

Kebanyakan masalah berkaitan penglihatan boleh diperbetulkan atau pemandu menyesuaikan gaya pemanduan mereka



akkan mata atau kepala adalah amat penting semasa memandu. Ia membolehkan seseorang pemandu nampak apa yang berlaku di kiri dan kanan tanpa perlu mengalihkan pandangan.

Semasa berhenti, keluasan medan penglihatan adalah pada anggaran setengah bulatan atau 180 darjah. Ia menyusut seiring peningkatan kelajuan dan tinggal hanya 40 darjah (satu per sembilan bulatan) pada kelajuan 100kmj.

4. Keseimbangan otot mata

Keseimbangan otot yang baik bermaksud kedua-dua mata boleh menumpu pada sesuatu objek serentak dengan mudah. Ia penting bagi penglihatan binokular, persepsi kedalaman dan medan penglihatan.

Walaupun pemandu boleh berusaha mengatasi ketidakseimbangan otot dalam keadaan pemanduan yang baik, ia mungkin meletihkan dan boleh mengakibatkan ketidakselesaan. Kelesuan, minuman keras dan dadah boleh menjejaskan keseimbangan otot sehingga tidak dapat dikawal.

5. Penyesuaian

Seseorang pemandu mestilah mampu menukar fokus dengan cepat dan mudah dari jalan raya ke papan muka dan balik semula ke jalan raya. Keupayaan menukar fokus daripada objek jauh kepada objek dekat dan sebaliknya dipanggil penyesuaian.

6. Penglihatan waktu malam

Pemanduan selamat waktu malam memerlukan kebolehan untuk melihat dalam persekitaran malap melepasi ruang cahaya lampu kereta. Ia juga memerlukan keupayaan untuk bingkask pulih daripada kilauan lampu kereta arah bertentangan.

Penglihatan waktu malam menurun dengan cepat selepas usia 40 tahun, manakala ketahanan terhadap kilauan adalah terbaik dalam usia 20-30 tahun. Pemandu yang mengalami masalah rabun ayam boleh mengatasi atau mengurangkannya dengan memandu lebih perlahan.

7. Pengecaman warna

Warna sebagai isyarat komunikasi memainkan peranan penting dalam keselamatan jalan raya. Pemandu hendaklah mengenali pelbagai warna dan dapat membezakannya.

Pemandu yang rabun warna boleh belajar membezakan lampu isyarat trafik melalui kedudukan lampu dan perbezaan kecerahannya.

Lakukan Pemeriksaan Mata

Ujian penglihatan yang lengkap semasa ujian lesen memandu dan secara berkala adalah sangat penting. Berikut adalah beberapa saranan untuk pemandu:

- Periksa mata secara kerap dengan perhatian diberi terhadap keperluan memandu.
- Sekiranya cermin mata disyorkan, pastikan anda memakainya.
- Sekiranya anda terganggu dengan kilauan, kurangkan memandu pada waktu malam.
- Atasi masalah medan penglihatan yang menyusut dengan memanfaatkan sepenuhnya cermin sisi dan belakang serta memusingkan kepala untuk melihat objek di sebelah tepi.
- Jika anggaran jarak anda kurang tepat, ber-

waspadalah apabila memotong.

- Alihkan objek yang mengganggu daripada cermin belakang dan pastikan yang ia dilaraskan dengan betul.
- Pastikan cermin kereta dan tingkap belakang bersih dan bebas daripada calar yang boleh menyilaukan.
- Selalulah periksa lampu hadapan supaya ia dapat memberikan cahaya yang terang dengan setiap pancaran pada kedudukan yang betul.
- Pandu perlahan – kebanyakan masalah penglihatan diburukkan lagi dengan kelajuan.

(sumber: *Persatuan Optometri Australia*)

Sindiket Curi Kereta Mewah Tumpas

POLIS Perak telah berjaya menyelesaikan satu sindiket mencuri kereta mewah pada April lalu yang beroperasi di seluruh negara dan telah menemui semula beberapa kenderaan bernilai RM2.5 juta serta bahagian kereta yang telah ditanggalkan. Enam orang lelaki berumur antara 20 hingga 27 tahun telah ditangkap ekoran serbuan ke atas sebuah bengkel di Ayer Tawar, Perak.

Ketua Polis Perak DCP Datuk Zulkifli Abdullah berkata, pihak polis telah menjumpai 28 kenderaan mewah termasuk Toyota Harrier dan Proton Perdana, serta 27 enjin kereta dari tiga buah stor di Ayer Tawar. Beliau menambah bahawa kereta-kereta tersebut telah dibawa ke bengkel untuk ditanggalkan dan kemudian alat gantinya dijual pada harga yang lebih rendah.

DCP Zulkifli menambah bahawa sesetengah kenderaan telah digu-

nakan dalam beberapa rompakan di seluruh negara. "Ia melibatkan ramai orang, bukan sahaja yang telah kami tangkap di Perak," katanya.

Polis berjaya menjejaki kenderaan yang dicuri itu dengan tujuh kes rompakan di Perak, 14 di Selangor, 15 di Kuala Lumpur, empat di Pulau Pinang, tiga di Kelantan, dan satu di Johor dan Pahang.

"Kami sedang bekerja rapat dengan rakan polis di negeri-negeri lain untuk menjejaki ahli-ahli

sindiket yang lain," katanya, di samping menambah bahawa enam orang yang ditangkap di Ayer Tawar ditahan reman untuk membantu siasatan.

Kempen Anti-Curi Kereta: Beringat sebelum kena

Nasihat berikut adalah kempen khidmat masyarakat oleh Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM):

- Sekiranya anda mengesyaki seseorang yang mencurigakan atau sedang melakukan sesuatu di sesebuah kenderaan, hubungi pihak polis dengan mendail 999.
- Jangan tinggalkan barangan berharga seperti komputer riba, telefon bimbit,

Jangan tinggalkan kereta anda tanpa pengawasan dengan enjin yang tidak dimatikan walaupun seminit.

beg kerja, beg tangan, kad kredit dan wang tunai di dalam kereta anda. Simpan di tempat berkunci atau bawa bersama anda.

- Keluarkan kunci kereta, kunci semua pintu dan tutup semua tingkap setiap kali anda meninggalkan kereta anda.
- Jangan tinggalkan kereta anda tanpa pengawasan dengan enjin yang tidak dimatikan walaupun seminit.
- Kereta yang tidak berkunci mengundang pencuri. Kunci kereta apabila anda meninggalkannya dan bawa kunci itu bersama anda.
- Tanggalkan bateri dan fius pencucuh elektronik serta pastikan kereta di tempat yang selamat sekiranya anda tiada di rumah dan kenderaan anda akan ditinggalkan untuk tempoh masa yang lama.
- Apabila membeli kereta baru, pastikan sistem keselamatan elektronik yang asal dipasangkan. Periksa dengan syarikat pengeluar kereta mengenai sistem keselamatan ini.
- Di kawasan-kawasan yang banyak berlaku kecurian, jangan bergantung kepada hanya sebuah alat anti-curi sahaja. Sebaliknya, gunakan kombinasi yang pelbagai termasuk kunci stereng, pedal brek dan gear dalam kenderaan untuk menghalang kecurian.
- Pencuri kereta hanya menanti peluang. Letakkan kereta di tempat yang terang atau di kawasan yang sibuk. Jika boleh, letak kereta di tempat yang ada penjaga kerana pencuri kereta tidak suka sekiranya ada saksi.



Tip Mudah Memandu Selamat

Saling ingat-mengingati merupakan amalan terpuji yang patut diamalkan semua pemandu kerana sebagai manusia biasa, ada kalanya kita terlupa dan melakukan kesilapan. Ikuti panduan mudah berikut:

- Pastikan semua lampu berfungsi. Sebelum mula memandu, pasang lampu dan buat pemeriksaan dengan mengelilingi kereta.
- Laraskan semua cermin dan tempat duduk apabila masuk ke dalam kereta sebelum menghidupkan enjin.
- Apabila lampu isyarat bertukar hijau, lihat kiri, kanan, hadapan dan kiri sekali lagi sebelum meneruskan perjalanan.
- Ketahuilah bahawa anda memerlukan jarak yang lebih jauh untuk membrek apabila kelajuan kenderaan bertambah.
- Sekiranya kelajuan digandakan, jarak membrek yang diperlukan adalah sebanyak empat kali ganda. Sekiranya berat kereta digandakan pula, jarak brek yang diperlukan turut berganda.
- Jika anda bercadang untuk pergi bercuti atau balik kampung, pastikan anda memberitahu keluarga atau teman rapat tentang jadual perjalanan, masa yang dijangka sampai dan nombor yang boleh dihubungi. Jangan menukar pelan tanpa memberitahu keluarga atau teman rapat anda itu.
- Elakkan laluan yang penuh lori atau bas kerana mereka sukar untuk melihat kenderaan yang lebih kecil dari mereka. Ingat... sekiranya anda tidak boleh melihat mereka di cermin belakang, mereka juga sukar untuk melihat anda!
- Berjaga-jaga... kerana lori juga mengambil ruang yang besar apabila membelok.
- Simpan nombor yang boleh dihubungi jika berlaku kecemasan, maklumat diri dan maklumat perubatan penting di dalam kereta anda.
- Bertolak awal dan rancang untuk sampai 10 minit sebelum waktu temu janji. Kelajuan tidak menjamin anda akan sampai tepat pada waktunya kerana ada kemungkinan anda tidak akan sampai sama sekali.

Obesiti Menjejaskan Keselamatan Pemandu & Penggunaan Bahan Api



MASYARAKAT dunia semakin gemuk, malah obesiti kini digolongkan sebagai satu wabak. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), lebih 1 bilion orang dewasa di dunia mempunyai berat badan yang berlebihan di mana sekurang-kurangnya 300 juta orang dikategorikan secara klinikal sebagai terlalu gemuk.

Lebih mendukacitakan, kini obesiti pula dikaitkan sebagai punca peningkatan penggunaan bahan api oleh pemilik kereta.

Kajian di *University of Illinois* dan *Virginia Commonwealth University* mendapati bahawa setiap paun berat badan tambahan di dalam kenderaan mengakibatkan penggunaan 39 juta gelen petrol tambahan setiap tahun di Amerika Syarikat.

Profesor di *University of Illinois* dan penulis bersama kajian tersebut, Sheldon Jacobson menyatakan yang kesan obesiti terhadap peningkatan penggunaan bahan api adalah kecil berbanding faktor-faktor lain. Namun tambah beliau, "ia masih merupakan jumlah

yang besar dan akan menjadi lebih ketara apabila kadar obesiti meningkat."

Sebagai contoh, sebuah keluarga yang mempunyai berat badan yang berlebihan kerugian 10 peratus bagi setiap gelen petrol yang dibeli. "Mereka mungkin perlu berbelanja lebih sebanyak US\$100-US\$400 (RM326 - RM1,306) setahun untuk bahan api bagi jarak pemanduan yang sama berbanding keluarga berbadan sederhana," kata Robert Parker, penulis buku *'57 Ways to Save Money on the High Cost of Fuel in Your Car or Truck'*.

Di samping peningkatan kos bahan api, perkara yang perlu diberi perhatian bagi penumpang kereta yang mempunyai berat badan ber-

lebihan ialah kecederaan teruk atau mungkin kematian sekiranya berlaku kemalangan.

Kajian di *Harborview Injury Prevention and Research Center*, Washington, menunjukkan bahawa mereka yang mempunyai indeks berat badan (BMI) antara 35-39 adalah dua kali ganda akan berhadapan dengan maut di dalam kemalangan berbanding mereka yang mempunyai BMI sebanyak 20.

BMI dikira dengan membahagikan berat dalam kilogram dengan ketinggian dalam meter kuasa dua. Orang dewasa yang mempunyai BMI sebanyak 25 boleh dianggap sebagai gemuk, BMI 30 atau lebih sebagai terlalu gemuk, manakala BMI 40 ke atas sebagai gemuk berlebihan yang memudaratkan.

Kajian lain juga membuat kesimpulan bahawa bukan sahaja kadar kematian meningkat bagi penumpang gemuk tetapi tahap kecederaan bahagian bawah badan juga turut meningkat dengan BMI yang lebih tinggi.

*Sebuah keluarga
yang mempunyai
berat badan yang
berlebihan kerugian
10 peratus bagi setiap
gelen petrol
yang dibeli.*



(sumber: *Toronto Star*)



SPANCO
PENGURUSAN FLEET PROFESIONAL

Menyediakan penyelesaian menyeluruh dalam pengurusan fleet untuk Kementerian dan Jabatan Persekutuan dengan kenderaan berjumlah lebih 8,000 buah di seluruh negara.



Manfaat kepada pelanggan-pelanggan SPANCO

- penggantian kenderaan pada kitaran yang tetap
- kenderaan yang sentiasa dijaga rapi
- tahap kesediaan kenderaan yang lebih tinggi pada 97%
- pengurusan tuntutan kemalangan dan litigasi
- pengurusan kesalahan trafik dan saman
 - pusat panggilan bebas tol 24 jam
 - khidmat bantuan kecemasan 24 jam
 - khidmat tunda 24 jam
 - laporan dan analisis fleet terperinci
 - maklumat sejarah kenderaan
 - pengurusan pemeriksaan PUSPAKOM
 - khidmat pemasangan dan pengubahsuaian kenderaan



SPANCO Sdn Bhd (172957-U)

Ibu Pejabat: 2, Jalan Murai Dua, Batu Complex
51100 Kuala Lumpur
Tel: 03 - 6253 2888 Faks: 03 - 6253 0623

Pusat Servis Wilayah Batu Caves

No. 2, Jalan Perusahaan 2
Kawasan Perusahaan Batu Caves
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03 - 6192 8888 Faks: 03 - 6192 8889

Pusat Servis Wilayah Bangi

No. 33 Jalan P/21, Taman Industri Selaman
Seksyen 10, 43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03 - 8920 1990 Faks: 03 - 8920 1992

1-800-88-6999

www.spanco.com.my



Janganlah membahayakan nyawa anda dan orang lain. Sentiasa gunakan tali keledar di belakang.



**Gunakan Tali Pinggang Keledar Di Belakang.
Anda Mampu Mengubahnya.**

Bila berlaku kemalangan pada kelajuan 50km/j, penumpang belakang seberat 60kg boleh menghentam tempat duduk hadapan dengan kesan impak sebanyak 2.4 tan. Impaknya serupa seperti dihempap oleh seekor gajah. Sudah tentu ia boleh membunuh. Jadi jika anda rasakan tali keledar belakang cuma perhiasan, cuba bayangkan apa yang mungkin berlaku sekiranya anda tidak menggunakannya. Ada sebabnya mereka di hadapan memakai tali keledar. Anda di belakang juga patut berbuat demikian.

Layari **www.PanduCermat.org.my** untuk maklumat lanjut.